

09 OCT 2003

Asean-Sidang Kemuncak (Rangkuman)/I

BALI CONCORD II SUNTIK TENAGA BARU KEPADA ASEAN

Oleh: Salbiah Said dan Openg Onn

NUSA DUA, 9 Okt (Bernama) -- Asean dijangka mencatat tahap pencapaian yang lebih gemilang dengan termeterainya satu pelan tindakan baru yang akan memandu perjalanannya ke arah merealisasikan pembentukan Masyarakat Asean menjelang tahun 2020.

Pelan tindakan berkenaan yang dikenali sebagai Asean Concord II atau Bali Concord II merupakan rangka kerja ke arah mewujudkan kerjasama di kalangan 10 negara anggota pergerakan serantau itu yang membabitkan Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei, Singapura, Vietnam, Kemboja, Laos dan Myanmar.

Piagam bersejarah itu ditandatangani pada akhir Sidang Kemuncak Asean yang berlangsung di Bali, sebuah pulau peranginan yang dikenali di seluruh dunia.

Melalui deklarasi 10 perkara itu, para pemimpin Asean menyuarakan hasrat mereka untuk melihat terbentuknya sebuah Masyarakat Asean yang berasaskan kepada tiga tonggak utama iaitu Kerjasama Keselamatan Asean (ASC), Kerjasama Ekonomi Asean (AEC) dan Kerjasama Sosio Budaya Asean (ASCC).

Ketiga-tiga unsur ini berkait rapat dan saling melengkapi antara satu dengan lain dalam usaha mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang berterusan di rantau berkenaan.

ASC mengandungi rangka kerja 12 perkara yang antara lain bertujuan meningkatkan kerjasama politik dan keselamatan di kalangan negara anggota pertubuhan itu. Para pemimpin Asean, bagaimanapun menegaskan bahawa ia bukan merupakan satu bentuk blok ketenteraan atau pakatan pertahanan.

AEC, yang meliputi rangka kerja lima perkara pula, bertujuan merealisasikan pencapaian matlamat akhir integrasi ekonomi seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020 Asean iaitu mewujudkan rantau ekonomi Asean yang stabil, makmur dan memiliki daya saing yang tinggi.

ASCC pula menyediakan panduan enam perkara ke arah menjamin tenaga kerja Asean akan dipersiapkan dan mendapat manfaat daripada integrasi ekonomi melalui peningkatan pelaburan dalam bidang pendidikan asas dan tinggi, latihan, pembangunan sains dan teknologi, perwujudan peluang pekerjaan dan perlindungan sosial.

Piagam baru ini bertujuan memupuk nilai-nilai bersama Asean seperti tabiat berunding bagi membincangkan isu politik, serta kesedian untuk berkongsi maklumat mengenai perkara kepentingan bersama.

Ini termasuk kemusnahan alam sekitar, kerjasama keselamatan maritim, peningkatn kerjasama pertahanan di kalangan negara anggota, pembentukan satu set nilai serta prinsip sosio politik dan penyelesaian pertikaian yang telah lama berlarutan secara aman.

Bali Concord II juga menekankan tentang pentingnya negara anggota Asean berpegang kepada prinsip tidak campur tangan serta semangat musyawarah dalam rangka kerjasama pertubuhan itu dan betapa perlunya ia sentiasa bersatu melalui ikatan pembangunan dinamik dan masyarakat penyayang.

Menurut Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, prinsip tersebut yang dianggap sebagai sesuatu yang istimewa, perlu menjadi amalan semua pemimpin Asean.

"Prinsip tidak campur tangan, membuat keputusan melalui musyawarah, ketahanan nasional dan serantau, menghormati kedaulatan sesebuah negara serta menolak ancaman untuk menggunakan kekerasan bagi menyelesaikan perselisihan dan pertikaian, mestilah sentiasa dipatuhi," kata Dr Mahathir

selepas majlis menandatangani dokumen berkenaan.

Dr Mahathir berkata pembentukan Masyarakat Asean bolehlah disamakan dengan penubuhan Kesatuan Eropah.

"Tetapi, ia tidak akan menjadi Kesatuan Asean," katanya.

Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri pula menyifatkan piagam tersebut sebagai titik tolak dalam sejarah Asean yang akan diwarisi oleh generasi akan datang sebagai Deklarasi Asean Concord II atau Bali Concord II.

"Inilah dokumen yang akan memungkinkan anak cucu kita terus hidup dalam suasana aman, stabil dan sama-sama berkongsi kemakmuran," katanya.

Sementara itu, dalam tulisannya yang disiarkan oleh Jakarta Post dengan tajuk "Melakar Pelan Tindakan Baru Bagi Asean", editor The Indonesian Quarterly, Bantarto Bandoro, berkata sidang kemuncak itu sendiri merupakan suatu peristiwa bersejarah kerana beberapa sebab.

Pertama, ia diadakan ketika Asean dan seluruh rantau ini berdepan dengan cabaran hebat daripada segi politik dan strategi. Kedua, pada sidang kemuncak itu, Asean perlu membuat keputusan baru mengenai hubungan strategik dan ekonominya dengan China, India dan Jepun.

Pada sidang kemuncak itu juga, China dan India menandatangani pembabitannya dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) dengan Asean yang dijadikan asas bagi semua negara terbabit untuk mengamalkan perilaku baik.

Ketiga, kata beliau, terbentuknya kepimpinan secara kolektif yang dijangka menjadi cara baru dalam melaksanakan program tindakan pertubuhan serantau itu.

Bagi Malaysia, sidang kemuncak Asean kesembilan itu memberi makna tersendiri apabila tuan rumah, Indonesia, memberi layanan permaidani merah kepada Dr Mahathir yang tidak akan lagi duduk sebaris bersama para pemimpin Asean lain pada sidang kemuncak akan datang.

Sidang Kemuncak Bali menyaksikan penyertaan kali terakhir Dr Mahathir sebagai pemimpin Malaysia dalam mesyuarat Asean berikutan rancangan beliau untuk bersara akhir bulan ini.

"Ini merupakan sidang kemuncak terakhir yang dihadiri oleh seorang rakan yang amat dihormati, yang juga rakan karib kita semua. Hari ini, kita mengambil kesempatan untuk mengucapkan salam perpisahan kepada Yang Amat Berhormat Dr Mahathir Mohamad," kata Megawati.

Dalam ucapan penghargaannya yang panjang lebar untuk Dr Mahathir, Megawati berkata Perdana Menteri Malaysia itu sentiasa mempunyai keyakinan kukuh terhadap Asean dan tidak pernah teragak-agak menyatakan perkara yang tidak menyenangkan beliau.

Sidang kemuncak ini merupakan bingkisan perpisahan yang cukup bererti bagi beliau kerana ia bukan sahaja menjadi sidang kemuncak Asean terakhir yang beliau sertai, tetapi juga yang paling berjaya sejak ia mula diadakan sembilan tahun lepas.

-- BERNAMA

SS OPP HK SP LAT